



## KENYATAAN MEDIA

PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)  
Bangunan Wisma UOA, Tingkat Mezzanine, 2, 3, & 4,  
No. 11, Jalan Pantai Jaya (Jalan 4/83A), Peti Surat 12038, 59200 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2245 9292 Faks: 03-2245 9293 Web: [www.swcorp.gov.my](http://www.swcorp.gov.my)

### PENGUATKUASAAN PENGASINGAN SISA PEPEJAL DI PUNCA BERMULA 1 JUN 2016

**PUTRAJAYA, 18 MEI 2016** - Satu sesi amanat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama anggota penguatkuasa SWCorp telah diadakan di Putrajaya sempena Penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) menjelang 1 Jun 2016 ini. Tujuan penganjuran majlis ini adalah untuk **menyampaikan hasrat Kementerian kepada penguatkuasa yang akan menjalankan tugas mereka dalam merealisasikan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara bersih, indah dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan dan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) setanding dengan negara-negara maju yang lain.**

Menurut beliau, penguatkuasaan SAS ini merupakan fasa ketiga kepada pelaksanaannya selepas ia mula dilaksanakan secara berperingkat mulai 1 Jun 2015 yang sebelum ini memberikan fokus sepenuhnya terhadap program pendedahan dan pendidikan yang berterusan kepada masyarakat tentang pelaksanaan pengasingan sisa di punca. Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui kaedah promosi, pendidikan, ceramah dan *engagement* bersama pelbagai lapisan dan kelompok masyarakat. **Antaranya, sebanyak 454 buah sesi ceramah SAS di serata kawasan, 229 pameran berkaitan SAS dan sebanyak 1.6 juta risalah telah diedarkan kepada semua negeri yang akan terlibat dalam penguatkuasaan SAS ini sejak September 2015.** Selain itu, kempen media yang meluas juga turut dilancarkan melalui pelbagai medium seperti media sosial, media alternatif, panggung wayang, radio dan juga stesen televisyen. SWCorp juga telah melaksanakan program pemantauan yang berkesan di premis-premis di seluruh negara yang bertujuan memberikan penerangan mengenai pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca kepada setiap penghuni premis.

Tambah beliau, penguatkuasaan pengasingan sisa pepejal di punca ini dibuat berikutan hanya **15% sahaja rakyat Malaysia ketika ini mengamalkan aktiviti kitar semula** walaupun kerajaan telah memperkenalkan program pengasingan sisa pepejal di punca sejak 1 September 2015 yang lalu. **Sehingga kini, sebanyak 367,651 premis telah diperiksa dan sebanyak 85,239 surat peringatan mesra telah dikeluarkan kepada penghuni premis yang didapati tidak melaksanakan pengasingan sisa.**

Banyak usaha yang telah dilaksanakan untuk menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan kitar semula akan tetapi amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat pada hari ini masih rendah. Di Malaysia, dianggarkan **jumlah bahan-bahan kitar semula yang dibuang ke tapak pelupusan setiap tahun adalah sebanyak 2.3 juta tan dengan anggaran nilai mencecah RM900 juta.** Tambahnya, sebagai negara maju, Malaysia sepatutnya mencapai 22% kadar kitar semula pada tahun 2020 seperti yang dicatatkan oleh negara maju lain iaitu Jerman 62% , Austria 68%, Taiwan 60% dan 59% kadar kitar semula di Singapura.

Justeru itu, kerjasama baik dan usahasama dengan pelbagai pihak seperti wakil komuniti dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) setiap taman giat digembleng bagi mewujudkan sebuah komuniti yang turut sama membantu kerajaan untuk merealisasikan aspirasi ke arah meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera. Walaubagaimanapun tambah beliau, dalam usaha untuk mewujudkan alam sekitar yang mampan semua pihak perlu bersama-sama berganding bahu untuk memastikan usaha yang dilakukan dapat memberi impak dan perubahan pada masa hadapan.

Jelas beliau lagi, adalah diharapkan agar semua warga kerja SWCorp khususnya anggota penguatkuasa akan **memastikan pembudayaan aspek tadbir urus yang baik berasaskan ketelusan, integriti dan keperibadian yang unggul serta standard perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat.**



**Pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca ini tidak hanya difokuskan kepada tindakan penguatkuasaan dengan mengenakan tindakan kompaun semata-mata. Sebaliknya, penghayatan masyarakat untuk membudayakan amalan ini sebenarnya yang menjadi penentu kepada kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan inisiatif baharu pihak Kementerian ini. Beliau berharap agar semua pihak akan menyokong inisiatif ini sekaligus kita mampu meningkatkan kadar kitar semula negara dan seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih, indah dan sejahtera menjelang 2020.**

\*\*\*\*\*

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Korporat  
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Puan Hartini Binti Mhd Azmi  
Pegawai Perhubungan Awam  
Bahagian Korporat  
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)  
No. Tel. : 03-2245 9283**

